

# Dasar Wakaf Kebangsaan perlu diwujudkan

UTUSAN MALAYSIA 5/1/2023 M/S: 7

**PUTRAJAYA:** Malaysia memerlukan satu polisi berkaitan isu pembangunan dan hala tuju wakaf di peringkat nasional yang lebih bersistematik serta disokong oleh pelbagai agensi.

Perkara itu disuarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Dr. Ridzwan Bakar yang juga ahli Majlis Penasihat Forum Zakat dan Wakaf Sedunia.

“Negara ini amat perlu Dasar Wakaf Kebangsaan untuk boleh menjelaskan lagi matlamat hala tuju sistem ini di Malaysia,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sepanjang tahun lalu, agensi itu telah menguruskan kutipan keseluruhan wakaf tunai yang berjumlah RM3.9 juta dengan paling besar menerusi skim wakaf tunai am iaitu RM1.8 juta.

Angka tahun lepas itu rendah berbanding tahun sebelumnya mencecah hampir RM6.1 juta iaitu rekod tertinggi pernah dicatatkan YWM manakala pada 2020 pula hanya RM2.8 juta.

Tokoh korporat yang berasal dari Klang, Selangor dan berpengalaman luas lebih 20 tahun lalu dalam bidang kewangan Islam itu mula dilantik menerajui YWM pada 1 Oktober lepas.

Mengulas lanjut, Ridzwan berkata, ketika ini, sistem pengurusan wakaf di Malaysia tidak sama malahan berpecah mengikut pelbagai enakmen berbeza-beza antara setiap negeri.

Majlis agama Islam negeri (MAIN) pula ujarinya, merupakan pemegang amanah tunggal untuk semua harta wakaf serta ada kuasa melantik mana-mana pentadbir bagi pihaknya.

“Justeru, saya berpendapat bahawa dasar wakaf nasional itu harus diwujudkan selari pembangunan Pelan Induk Wakaf Kebangsaan yang sedang dibangunkan kini,” jelasnya.

YWM yang dibentuk pada 2008 melalui inisiatif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) Jabatan Perdana Menteri boleh membantu MAIN menggerakkan sumber wakaf.